



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PELAKSANAAN LATIHAN VOKAL OLEH KONDUKTOR DAN
KESANNYA TERHADAP KUALITI NYANYIAN DALAM KALANGAN
KUMPULAN KOIR DI SEMENANJUNG MALAYSIA***

FAUZILA BINTI ABDUL LATIF

FEM 2018 44



**PELAKSANAAN LATIHAN VOKAL OLEH KONDUKTOR DAN
KESANNYA TERHADAP KUALITI NYANYIAN
DALAM KALANGAN KUMPULAN KOIR
DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

Oleh

FAUZILA BINTI ABDUL LATIF

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

September 2018

HAK CIPTA


Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Dikhususkan buat ayahanda tercinta Allahyarham Abdul Latif bin Mat Sam yang telah kembali ke rahmatullah pada tanggal 5 Jun 2009. Allahyarham merupakan seorang bekas tentera yang mempunyai disiplin tinggi dalam hidup, bersemangat wajar, tidak mudah berputus asa dan terkenal dengan sifatnya yang pemurah. Walaupun beliau sendiri tidak berkesempatan untuk mendapat pendidikan yang tinggi, namun beliau sentiasa meletakkan kepentingan serta kepercayaan terhadap aspek akademik bagi kesemua anaknya. Salah satu impian Allahyarham ialah untuk melihat salah seorang daripada kami menjadi Doktor (dalam perubatan asalnya). Kejayaan pengkaji melanjutkan pengajian ke peringkat pengajian ijazah Doktor Falsafah dan telah berjaya menyiapkan penulisan ini sememangnya pasti menjadi kebanggaan besar bagi beliau sekiranya masih bersama. Walaupun beliau tiada lagi di dunia ini, namun terbitnya tesis ini adalah berasaskan kekuatan, inspirasi serta harapan yang dimiliki oleh beliau. Sememangnya abah sentiasa berada di hati, dicintai, dan dirindu oleh kesemua kaum keluarga. Semoga roh abah dicucuri rahmat, diampuni, dikasihi-Nya, dan ditempatkan bersama orang-orang yang beriman. Aamiin.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PELAKSANAAN LATIHAN VOKAL OLEH KONDUKTOR DAN
KESANNYA TERHADAP KUALITI NYANYIAN
DALAM KALANGAN KUMPULAN KOIR
DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

Oleh

FAUZILA BINTI ABDUL LATIF

September 2018

Pengerusi : Made Mantle Hood, PhD
Fakulti : Ekologi Manusia

Kajian ini mendokumenkan pelaksanaan latihan vokal oleh konduktor kumpulan koir dan kesannya terhadap kualiti nyanyian dalam kalangan ahli koir di Semenanjung Malaysia. Untuk mengendalikan sesebuah kumpulan koir, penguasaan terhadap pedagogi koral memainkan peranan penting bagi mempersiapkan ahli kumpulan koir ke arah persembahan yang bermutu. Di antara masalah yang dikenal pasti menunjukkan tidak ramai pemuzik di Malaysia yang terlatih khusus dalam bidang pimpinan koir. Selain itu, kajian ilmiah juga didapati kurang dijalankan di dalam Negara berhubung dengan bidang seni muzik yang menjurus terhadap nyanyian.

Objektif kajian ini adalah bagi menganalisis pelaksanaan latihan vokal semasa sesi pemanasan dan strategi latihan yang digunakan semasa sesi latihan repertoir oleh para konduktor koir bagi mencapai kualiti nyanyian. Objektif kajian juga adalah untuk menilai kesan yang mempengaruhi ahli koir mengikut pelaksanaan latihan vokal sewaktu sesi pemanasan dan semasa sesi latihan repertoir yang dijalankan. Peserta kajian terdiri daripada empat orang konduktor koir berserta ahli kumpulan koir masing-masing. Persampelan bertujuan ini disasarkan kepada kumpulan koir yang berprestij dari sekitar Semenanjung Malaysia. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes dengan kaedah kualitatif. Data bagi kajian ini diperoleh melalui tiga instrumen iaitu temu bual, perbincangan kumpulan fokus (FGD), dan pemerhatian.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan latihan yang diamalkan untuk mencapai kualiti nyanyian yang baik adalah melalui strategi latihan yang disertakan dengan pelbagai contoh berbentuk kontekstual daripada setiap konduktor koir. Pendekatan yang digunakan oleh para konduktor dalam setiap sesi latihan telah

mempengaruhi tahap kesedaran dan kefahaman bagi ahli koir berkaitan teknik vokal dan konsep muzik. Latar belakang ahli kumpulan koir termasuk genre lagu dan tema bagi setiap persembahan turut diambil kira oleh para konduktor bagi memberi impak terhadap pelaksanaan latihan yang dijalankan. Kerjasama dua hala antara konduktor dan ahli koir turut mewujudkan pembelajaran kondusif yang berperanan melonjakkan hasil persembahan nyanyian bagi setiap kumpulan yang dikaji. Hasil kajian ini dapat memberi manfaat serta panduan yang berguna kepada generasi masa depan yang berminat memahami secara mendalam berkaitan pedagogi koral sebagai persiapan mengendalikan aktiviti nyanyian koir.



Abstract of the thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

**THE IMPLEMENTATION OF VOCAL TRAINING BY CHORAL
CONDUCTORS AND ITS EFFECTS TOWARDS THE
QUALITY OF SINGING AMONGST CHORISTERS
IN PENINSULAR MALAYSIA**

By

FAUZILA BINTI ABDUL LATIF

September 2018

Chairman : Made Mantle Hood, PhD
Faculty : Human Ecology

This study documented the implementation of vocal exercises by choral conductors and its effects towards quality of singing among choristers in Peninsular Malaysia. To manage a choral group, the domination of choral pedagogy plays an important role in preparing choristers towards quality singing performances. The significant problem identified shown that many musicians trained in Malaysia lack in choir leadership. Furthermore, academic research is also lacking in the field of vocal music in this country.

The objective of this study is to analyze the implementation of vocal training during warm up sessions and the strategies used during the repertoire training session by choir conductors to achieve quality in singing. In addition, the objective of the study is also to evaluate the effects which influence the choir members according to the implementation of vocal training during warm up and repertoire training sessions. The participants of the study comprised of four choir conductors and members of their respective choir groups. Purposive sampling was targeted at a prestigious choir from Peninsular Malaysia. The design of this study is a case study using qualitative procedure. The instruments used to obtain data for the study was through interviewing, focus group discussion (FGD), and observation.

Research findings have shown that good quality in singing is achieved through the use of training strategies which include various contextual examples from each choir conductor. The approaches used by the conductors in each training session have influenced the level of awareness and understanding of the choristers regarding vocal techniques and musical concepts. The background of the choristers and the genre of

the song and theme of performances are also taken into consideration by the conductors to impact on the implementation of the exercises carried out. The cooperation between the conductor and the choir members form a two-way conducive culture that play a role for increasing the status of the singing performance for each choir group studied. The results of this study will provide a useful guide for future generations who are interested to have a better understanding of choral pedagogy as preparation to conduct choral activities.



PENGHARGAAN

Syukur ahamdulillah ke hadrat Allah SWT yang telah memberi anugerah yang tidak terhingga, maka dengan izin dan limpah kurniaan-Nya, disertasi ini akhirnya telah berjaya disempurnakan. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih ditujukan kepada Jawatankuasa Penyeliaan Tesis ini iaitu Prof. Madya Dr. Made Mantle Hood, seterusnya Prof. Madya Dr. Loo Fung Chiat, dan Dr. Norliza Abdul Majid yang telah memberi bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar sepanjang menyempurnakan projek ini. Bimbingan semua penyelia menerusi kepakaran serta pandangan yang dicurahkan telah membantu pengkaji menyelesaikan pelbagai masalah dalam proses menghasilkan penulisan ini.

Sekalung penghargaan turut diucapkan kepada semua subjek kajian yang terdiri daripada konduktor dan ahli kumpulan koir di atas perkongsian ilmu mereka kepada pengkaji. Setiap konduktor kumpulan berserta ahli koir telah memberi layanan yang amat selesa sepanjang pengkaji membuat lawatan terhadap kumpulan masing-masing. Kesemua subjek kajian telah memberi sumbangan dengan berkongsi sumber-sumber yang diperlukan bagi melengkapkan dapatan kajian ini. Tanpa komitmen dan kewibawaan mereka tentunya tesis ini tidak dapat dihasilkan dengan sebaiknya.

Penghargaan turut didedikasikan kepada panel penilai iaitu Dr. Lim Zek Chew, En. Mah Kok Heng, Pn Edna Wellington, En. Yusri Hussain, dan Dr. Liau Swee Foong kerana sudi menyumbangkan masa dan kepakaran mereka dalam menentukan tahap disertasi ini mencapai matlamatnya. Tidak lupa juga penghargaan buat rakan-rakan pensyarah dari Jabatan Pendidikan Muzik, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas yang turut secara langsung atau tidak langsung membantu pengkaji dengan perkongsian idea, tunjuk ajar, komentar serta nasihat bagi penambahbaikan kajian ini. Jasa dan budi baik rakan-rakan pensyarah sekalian tidak akan dilupakan.

Dipanjangkan penghargaan ini kepada insan yang terdekat dan penting dalam hidup pengkaji iaitu suami tercinta dan anak-anak yang dikasihi. Mereka telah memberi pengorbanan besar dalam membantu pengkaji merealisasikan impian ini. Berkat doa dan kefahaman mereka telah memberi pengkaji ruang menghabiskan penulisan ini dengan sokongan moral yang amat diperlukan. Tidak lupa, terima kasih juga diucapkan kepada ibu tercinta iaitu Pn. Maimunah binti Mohd Sood yang telah menjadi tunggak kepada kewujudan dan kejayaan pengkaji pada hari ini. Penghargaan turut ditujukan buat ibu mertua tersayang iaitu Pn. Nyonya binti Ali dan bapa mertua Yahya Long Chik di atas doa dan sokongan mereka.

Akhir sekali, terima kasih buat semua adik beradik, saudara mara serta insan-insan yang mengenali pengkaji sama ada secara langsung atau tidak langsung yang telah mendoakan kejayaan buat pengkaji. Semoga kita sama-sama mendapat limpah rahmat-Nya dan dikurniakan kecemerlangan dalam hidup di dunia dan akhirat. Insya-Allah, aamiin.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Made Mantle Hood, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Loo Fung Chiat, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Norliza Binti Abdul Majid, PhD

Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Professor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini ialah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institut lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Fauzila binti Abdul Latif, GS42500

ISI KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PENGAKUAN	viii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii

BAB

1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	2
	1.3 Penyataan Masalah	5
	1.4 Persoalan Kajian	8
	1.5 Objektif Kajian	8
	1.6 Kepentingan Kajian	8
	1.7 Batasan Kajian	10
	1.8 Definisi Operasional	11
2	TINJAUAN LITERATUR	
	2.1 Pendahuluan	13
	2.2 Pedagogi Koral	13
	2.2.1 Kaedah Komunikasi Lisan dan Bukan Lisan	14
	2.2.2 Kaedah Pergerakan	16
	2.3 Latihan Pemanasan	18
	2.3.1 Pernafasan	19
	2.3.2 <i>Phonation</i>	21
	2.3.3 <i>Resonance</i>	22
	2.3.4 Artikulasi	25
	2.4 Kualiti Nyanyian	26
	2.5 Kesan Latihan Vokal	28
3	METODOLOGI	
	3.1 Pendahuluan	31
	3.2 Reka Bentuk Kajian	31
	3.3 Latar Belakang Peserta Kajian	32
	3.3.1 Konduktor dan Kumpulan Koir Satu	33
	3.3.2 Konduktor dan Kumpulan Koir Dua	34
	3.3.3 Konduktor dan Kumpulan Koir Tiga	35

3.3.4	Konduktor dan Kumpulan Koir Empat	37
3.4	Instrumentasi	39
3.4.1	Temu bual	39
3.4.2	<i>Focus Group Discussion</i>	39
3.4.3	Pemerhatian	40
3.5	Prosedur Mengumpul Data	40
3.6	Kaedah Analisis Data	41
3.6.1	Strategi Analisis Data	42
3.7	Kerangka Konseptual Kajian	43
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan	44
3.8.1	Kajian Rintis	44
3.8.2	Pemerhatian Jangka Panjang	44
3.8.3	Pemeriksaan Rakan Sekerja	46
3.8.4	Pengesahan Pakar	46
3.8.5	Triangulasi Sumber Data	47
3.9	Rumusan	49
4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pendahuluan	51
4.2	Pelaksanaan Latihan Pemanasan	51
4.2.1	Berperingkat	52
4.2.1.1	Peringkat Regangan	52
4.2.1.2	Peringkat Vokalisasi	55
4.2.2	Hubung Kait	60
4.2.2.1	Analogi	60
4.2.2.2	Imaginatif	65
4.2.3	Pemudah Cara	69
4.2.3.1	Rasional	69
4.2.3.2	Demonstrasi	73
4.3	Kesan Latihan Pemanasan	77
4.3.1	Persediaan	77
4.3.1.1	Persediaan Mental	78
4.3.1.2	Persediaan Fizikal	81
4.3.2	Menaakul	83
4.3.3	Penguasaan Teknik Vokal	88
4.3.3.1	Pernafasan	88
4.3.3.2	<i>Phonation</i>	90
4.3.3.3	<i>Resonance</i>	92
4.3.3.4	Artikulasi	93
4.4	Pelaksanaan Latihan Rangkaian Lagu	96
4.4.1	Interpretasi	96
4.4.1.1	Latar Belakang Karya	97
4.4.1.2	Struktur lagu	99
4.4.2	Motivasi	103
4.4.2.1	Bahasa Isyarat	103
4.4.2.2	Imitasi	106

4.4.3	Estetika	110
4.4.3.1	Ekspresi	110
4.5	Kesan Latihan Rangkaian Lagu	116
4.5.1	Gaya Pembelajaran	116
4.5.1.1	Pembelajaran Kolaboratif	116
4.5.1.2	Pembelajaran Kendiri	119
4.5.2	Pembudayaan Muzik	122
4.5.3	Penguasaan Unsur Muzik	125
4.5.3.1	Melodi	125
4.5.3.2	Irama	128
4.5.3.3	Harmoni	131
5	RINGKASAN, KESIMPULAN, SUMBANGAN DAN CADANGAN	
5.1	Pendahuluan	135
5.2	Ringkasan	135
5.2.1	Pelaksanaan Latihan	135
5.2.2	Kesan Pelaksanaan Latihan	138
5.3	Kesimpulan	141
5.4	Sumbangan	145
5.5	Cadangan	148
5.5.1	Cadangan Kajian Masa Depan	149
5.6	Penutup	151
	BIBLIOGRAFI	152
	LAMPIRAN	160
	BIODATA PELAJAR	209
	SENARAI PENERBITAN	210

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1	Anatomi yang Terlibat dalam Pernafasan dan <i>Phonation</i>	22
2	Ilustrasi Otot-Otot yang Terlibat dalam Nyanyian	24
4	Kerangka Konseptual Kajian	43
8	Triangulasi Sumber Data Menerusi Temu bual Secara Individu dan Berkumpulan (FGD)	48
9	Triangulasi di antara Instrumen Pengumpulan Data	48
10	Urutan Badan dalam Barisan Keretapi	52
11	Notasi bagi Latihan Solfeggio	56
12	Notasi Latihan Skel Kromatik bagi Kemahiran Pendengaran	56
13	Keratan Latihan dengan Sebutan Berbeza di antara Suara Lelaki dan Perempuan	58
14	Jarak Not E3 ke E6 dengan Merujuk pada Julat di Piano	59
16	Contoh Notasi Latihan yang Dinyanyikan Bersama Pergerakan	61
17	Pembukaan Jari bagi Menggambarkan Jarak Nada dalam Nyanyian	61
18	Ayunan Tangan Mengikut Pic	62
19	Notasi Latihan Solfeggio Seiring dengan Pergerakan	63
20	Ayunan Tangan untuk Merasa atau Menyelami Perasaan <i>Legato</i> dalam Sebutan	63
21	Kedudukan Tangan di Muka bagi Mendapatkan Bukaannya Mulut yang Selari	64
22	Isyarat Tangan bagi Menggambarkan Nada Suara	66
23	Pendengaran Dalaman	68
24	Notasi Latihan dalam Kedudukan Membongkok	69
25	Kedudukan Badan Ketika Menyanyi Secara Membongkok	69

26	Ruang Segi Tiga yang Menggambarkan Kawasan Peletakan Suara di Sekitar Hidung dan Dahi	70
27	Bukaan Mulut Bagi huruf Vowel 'A'	72
29	Arah Peletakan Suara di Sekitar Muka dan Kepala Bergantung pada Ketinggian Pic	79
30	Tangan Menekan Bahagian Belakang Pinggang	89
31	Bukaan Mulut bagi Sebutan Konsonan 'D' dan 'T'	94
33	Ayunan Tangan di Bahagian Muka Menunjukkan Isyarat bagi 'Peletakan Suara' yang Tinggi	106
36	Gambaran Bahagian Mata yang Membayangkan Emosi	112
37	Contoh <i>Shadow Vowel</i> bagi Perkataan ' <i>Silent</i> ' yang Berakhir dengan Konsonan 'T'	113
38	Teknik Pelaksanaan Latihan Repertoir Melalui Unsur Melodi, Irama dan Harmoni	134
39	Kewujudan Tema Menerusi Pelaksanaan Latihan Vokal dalam Sesi Pemanasan dan Repertoir	138
40	Kewujudan Tema Menerusi Pengaruh Pelaksanaan Latihan Vokal Terhadap Ahli Koir	141
41	Pelaksanaan Latihan Vokal dan Pengaruhnya Menerusi Kaedah Pergerakan dan Kaedah Lisan dan Bukan Lisan	145
42	Langkah-langkah Pelaksanaan Latihan Nyanyian bagi Kumpulan Koir Menerusi Model Tornado	147

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
3	Profil Ahli (FGD) bagi Empat Kumpulan Koir	38
5	Tempoh Pengumpulan Data Lapangan	45
6	Senarai Penal Pemeriksaan Rakan Sekerja	46
7	Hasil Penilaian Persetujuan Pembinaan Tema Dapatan Kajian	47
15	Pelaksanaan Latihan Pemanasan Kaedah Regangan oleh Empat Konduktor Kumpulan Koir	59
28	Teknik Vokalisasi dalam Latihan Pemanasan oleh Empat Konduktor Kumpulan Koir	76
32	Penggunaan Pergerakan dalam Latihan Pemanasan Berhubung dengan Aspek Teknik Vokal	96
34	Pelaksanaan Latihan Repertoir Melalui Pendekatan Lisan dan Bukan Lisan	109
35	Rumusan Kekerapan Penggunaan Kaedah Lisan dan Bukan Lisan terhadap Teknik Vokal	110

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka surat
A Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	160
B Protokol Soalan Temu Bual, FGD dan Pemerhatian	168
C Pengesahan Pakar dan Pemeriksa	173
D Biodata Peserta Kajian	184
E Contoh Transkripsi Verbatim	196
F Contoh Reflektif Pemerhatian	202
G Contoh Analisis Temu bual	205

SENARAI SINGKATAN

K1 - 4/ A1 - 8	Kumpulan 1 - 4/ Ahli 1 - 8
K1 - 4	Konduktor 1 – 4
A1 - 4	Ahli 1 – 4
KK	Kumpulan Koir
SATB	Soprano, Alto, Tenor, Bass
DG54	Gred Penjawatan DG54
C - B/ 1 - 7	sebarang not/ julat di piano
FGD	<i>Focus group discussion</i>

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kejayaan bagi sesuatu persembahan kumpulan koir bukan sahaja dengan adanya strategi pelaksanaan latihan berkaitan unsur-unsur muzik dalam lagu, malah melibatkan teknik pengeluaran suara bagi mencapai hasil nyanyian yang bermutu. Teknik vokal dalam nyanyian adalah merujuk pada cara pengeluaran suara yang teratur melalui laras-laras tertentu bagi melahirkan suara yang jelas, indah, merdu, dan nyaring (Schloneger, 2011). Peranan teknik vokal adalah untuk meningkatkan mutu suara melalui latihan bersistematik termasuk sebagai langkah keselamatan memelihara alat vokal bagi jangka masa panjang, terutamanya buat penyanyi yang terlibat secara intensif dalam bidang seni suara (Murry dan Hutchison (2008).

Konsep kajian sains pedagogi vokal merupakan sebahagian daripada membina teknik penyampaian nyanyian secara teratur yang sejarahnya bermula pada zaman Yunani purba (*Ancient Greece*) dan berkembang sehingga kini. Antara kajian yang berkaitan teknik vokal adalah termasuk anatomi manusia dan fisiologi yang berkaitan dengan proses fizikal tubuh terhadap nyanyian (Titze, 2008). Teknik vokal popular yang dipelajari kini bersumberkan kebudayaan Barat Kontemporari, khususnya Amerika. Walaupun kebudayaan vokal ini berakar dari muzik Eropah, tetapi sepanjang sejarah perkembangannya telah dipengaruhi oleh berbagai jenis vokal dari beragam kebudayaan, seperti Afrika, India, Arab, Cina, dan lain-lain (Budidharma, 2001).

Pedagogi koral pula mewakili aspek pembangunan seni suara yang mana para konduktor perlu membimbing ahli koir untuk meningkatkan kemahiran nyanyian. Menurut Titze dan Verdolini (2012), aktiviti nyanyian memerlukan penekanan terhadap kemahiran refleksi otot yang dinamik. Penyanyi tidak memerlukan kekuatan otot tetapi lebih kepada koordinasi atau tindak balas otot-otot tubuh badan yang sangat tinggi. Pengetahuan pedagogi berkaitan pengajaran koral diperlukan oleh seseorang konduktor untuk membimbing kumpulan koir mereka dengan kemahiran yang diperlukan bagi mencapai hasil persembahan yang bermutu.

Menurut Franca dan Wagner (2015), konduktor muzik yang berkesan perlu merancang setiap latihan, mengenal pasti objektif, mempunyai kesedaran terhadap sasaran khusus, berusaha mencapai matlamat jangka panjang atau pendek, dan memahami sikap lazim para penyanyi yang dapat mempengaruhi sesuatu latihan. Ini bermakna kemahiran pimpinan dari perspektif yang luas perlu dikuasai oleh seseorang konduktor untuk mewujudkan sesi interaksi yang efektif dan bermakna. Menurut Olesen (2010), pendekatan yang pelbagai terhadap pembangunan teknik vokal dapat membantu ahli koir menjangka tindakan yang perlu diambil sewaktu aktiviti nyanyian. Beliau

menjelaskan bahawa, kehadiran konduktor koir yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dengan pengajaran atau sistem latihan yang pelbagai gaya akan mempengaruhi tahap persediaan ahli koir. Ini menjelaskan betapa corak pimpinan yang pelbagai dan terancang dapat mempengaruhi pencapaian dalam menentukan perkembangan sesebuah kumpulan koir. Justeru, adalah penting bagi konduktor koir untuk terus-menerus memperhalusi pemahaman tentang gaya pimpinan agar dapat disesuaikan dengan tingkah laku ahli di bawah bimbingan mereka.

“Situations are extra important for qualitative research. The theorists invented the word “situationality,” referring to the attention given to particular places, times, social backgrounds, communication styles, and other backgrounds for the activities and relationships being studied. The situation provides part of the meaning for qualitative phenomena.” (Stake, 2010, p.52)

Melalui kenyataan Stake (2010) di atas, ditegaskan keperluan untuk mewujudkan penelitian terhadap kepelbagaian tingkah laku manusia mengikut budaya dan norma-norma masyarakat setempat. Memandangkan kajian bagi kumpulan koir dalam konteks di Malaysia adalah amat terhad berbanding dengan kajian kumpulan koir dari luar negara, maka adalah sukar membuktikan sepenuhnya kelemahan yang perlu diatasi. Sehubungan dengan itu, tujuan utama kajian ini adalah bagi melihat bagaimanakah pelaksanaan latihan vokal oleh konduktor-konduktor kumpulan koir dan pengaruhnya terhadap kualiti nyanyian dalam kalangan ahli koir yang terdiri daripada empat buah kumpulan koir berketerampilan yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Penelitian akan memfokuskan kepada pelaksanaan latihan vokal sewaktu sesi pemanasan serta strategi pengajaran yang digunakan oleh para konduktor semasa aplikasi *repertoire*. Kajian ini juga turut melihat kesan yang mempengaruhi gaya pengajaran yang diguna pakai oleh para konduktor terhadap ahli koir masing-masing. Dengan meneliti bentuk sistem latihan yang diguna pakai oleh konduktor-konduktor dan pengaruhnya terhadap ahli kumpulan koir ini diharap akan mencapai satu matlamat iaitu bagi menyediakan gambaran lengkap kepada para pendidik untuk memahami tindakan atau interaksi pembelajaran secara dua hala, sekali gus bagi memahami struktur persediaan kumpulan koir secara lebih mendalam.

1.2 Latar Belakang Kajian

Mengikut sejarah tradisi koral di Malaysia, kewujudan nyanyian koir dapat dikesan pada zaman pra-kemerdekaan di Malaysia pada tahun 1957, iaitu ketika pihak British menubuhkan banyak sekolah mubaligh. Nyanyian koir telah diperkenalkan sebagai sebahagian daripada kurikulum di beberapa buah sekolah. Semasa tahun 1940-an dan 50-an, banyak masyarakat Cina Malaysia dipengaruhi oleh budaya dari negara China. Banyak Persatuan Cina tempatan mula membentuk paduan suara untuk ahli mereka sendiri. Ketiga koir yang ditubuhkan pada masa itu ialah seperti Chin Woo Athletic Association Selangor and KL Choir, The Selangor Yan Keng Benevolent Dramatic

Association Choir, dan The Qiong Lian Operatic Association Choir. Semenjak dari itu, bermula dari tahun 1960-an dan seterusnya telah banyak persatuan lain mula membentuk kumpulan-kumpulan koir mereka sendiri (Saw, 2011).

Melalui tinjauan berkaitan aktiviti koral di Malaysia, Susanna Saw (2011) telah menjelaskan bahawa masih banyak yang perlu dilakukan untuk mencapai piawaian atau *standard* koir ke peringkat antarabangsa. Menurut beliau, Malaysia mempunyai warisan muzik yang kaya, dengan penduduknya yang terdiri daripada pelbagai puak dan etnik seperti masyarakat Melayu, Cina, India termasuk bahagian timur Malaysia yang terdiri daripada negeri Sabah dan Sarawak yang telah membawa kepelbagaian budaya dan membentuk seni muzik yang unik. Walau bagaimanapun, kewujudan muzik yang membawa bersama atau menggalakkan budaya muzik dari Malaysia adalah sangat kurang. Tahap nyanyian bagi nyanyian koir telah melalui banyak penambahbaikan melalui kesedaran muzik dan pengalaman serta pendedahan yang diperoleh dari luar negara. Tidak banyak kumpulan koir yang mengambil bahagian dalam nyanyian ke peringkat antarabangsa. Begitu juga dengan repertoir dari komposisi oleh komposer tempatan masih kurang diketengahkan sewajarnya oleh kumpulan-kumpulan koir tempatan yang dapat mewakili budaya Malaysia (Saw, 2011).

Selain daripada itu, kajian akademik yang menyetengahkan bidang seni muzik nyanyian turut kurang dilakukan di dalam negara ini. Terdapat banyak kajian berkaitan latihan vokal oleh konduktor koir dijalankan dari luar negara tetapi biasanya tidak menjelaskan secara terperinci sains yang mendasari konsep. Sumber-sumber ini biasanya termasuk pelbagai latihan vokal tetapi kurang menyatakan bagaimana senaman bagi fungsi fisiologi atau akustik tertentu, dan sering tidak menjelaskan bagaimana untuk melaksanakan latihan penyuaran (*vocalize*) untuk mencapai faedah yang maksimum. Salah satu kajian kumpulan koir di Malaysia ialah oleh Rajamoney (2005). Menerusi kajian kes beliau berkaitan 'Pengurusan Koir Dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Menengah' mengenal pasti strategi yang digunakan dalam dua buah sekolah menengah dalam pengajaran dan pembelajaran koir, masalah-masalah yang dihadapi serta kriteria yang digunakan untuk menilai sesebuah koir yang berkualiti. Strategi yang digunakan oleh Sekolah A terbukti lebih berkesan dari Sekolah B dari segi pemanasan suara dan kekerapan berlatih. Kriteria yang ketara sekali yang digunakan untuk menilai sesebuah koir dirujuk kepada kualiti vokal sesebuah koir itu sendiri. Kajian ini telah menunjukkan dengan jelasnya bahawa adalah penting untuk para guru menggunakan strategi yang berkesan apabila melatih sesebuah kumpulan koir untuk mencapai hasil persembahan yang berkualiti. Walau bagaimanapun, kajian ini dijalankan secara kuantitatif dengan membandingkan dapatan statistik berkaitan kaedah latihan yang lebih berkesan di antara sekolah-sekolah, tidak menjurus kepada bagaimana sesuatu proses latihan itu dijalankan.

Melalui kajian lepas oleh Babb (2010), beliau telah menyiasat bagaimana teknik latihan bagi membina ton atau nada suara dalam kalangan empat orang konduktor koir daripada berlainan kumpulan. Beliau mendapati terdapat perbezaan masa dalam

membangunkan mutu ton suara ahli kumpulan koir. Kajian beliau dijalankan dengan hanya memberi tumpuan terhadap teknik latihan yang disampaikan oleh empat orang konduktor koir. Kajian ini tiada hubungan secara langsung dengan konduktor mahupun ahli kumpulan koir untuk mendapatkan data. Sebaliknya Babb telah menggunakan perisian teknologi SCRIBE untuk menganalisis isyarat berhubung dengan kategori tertentu berkaitan tingkah laku konduktor koir melalui rakaman video. Kajian ini hanya melaporkan dapatan secara deskriptif berkaitan tempoh latihan bagi membentuk ton suara dan tidak mengaitkan amalan latihan konduktor terhadap ahli koir. Melalui kajian Babb terdapat jurang (*gap*) yang perlu disusuri bagi mendalami pelaksanaan latihan vokal oleh para konduktor koir dengan reka bentuk kajian yang berbeza dan berlainan penetapan.

Olesen (2010) pula telah menjalankan kajian terhadap konduktor koir yang berbeza latar belakang muzik daripada 365 buah sekolah menengah. Menerusi kajian, beliau telah membentangkan ciri-ciri demografi, amalan, kepercayaan, latihan paduan suara, dan gaya pengajaran muzik secara kuantitatif. Winnie (2014) pula telah menyiasat tentang teknik vokal dalam latihan koir secara memeriksa korelasi di antara teknik nyanyian *Bel Canto* dan teknik nyanyian kontemporari. Kajian yang dinyatakan di atas menyediakan garis panduan pembelajaran teknik vokal secara sehalu, iaitu mengkaji sama ada konduktor ataupun ahli koir sahaja sebagai sampel kajian.

Lebih banyak kajian setakat ini yang telah dijalankan berkaitan isyarat badan konduktor dengan memberi tumpuan kepada skor yang berpusatkan pada faktor ekspresi muzik (Price, 2006; Napoles, 2013). Agak sedikit kajian yang meneroka pengaruh konduktor terhadap isyarat fisiologi vokal dan kemahiran vokal (Fuelberth, 2003; Grady, 2011). Ada juga beberapa kajian telah mencadangkan bahawa tingkah laku konduktor tertentu dan gerak isyarat (seperti membundarkan bibir, pengumpulan alis, pergerakan kepala) memberi kesan akustik seperti perubahan dalam timbre vokal dan intonasi secara peniruan atau tindak balas (*respons*) oleh penyanyi (Daugherty & Brunkan, 2013; Manternach, 2011). Sehubungan dengan itu, adalah perlu bagi konduktor kumpulan koir untuk meluaskan kemahiran berkaitan gaya penyampaian pengajaran kepada ahli kumpulan koir dari pelbagai aspek. Keberkesanan pelaksanaan latihan vokal dan strategi yang digunakan oleh konduktor bagi latihan repertoire tentunya menjadi faktor yang mempengaruhi kejayaan pembentukan sesebuah kumpulan koir.

Melalui kesemua penjelasan di atas, menunjukkan terdapat banyak kajian dalam pelbagai situasi berkaitan nyanyian koir dari luar negara yang mengetengahkan pelbagai isu dan pemboleh ubah dalam mempengaruhi prestasi sesebuah kumpulan koir. Walau bagaimanapun, kurang kajian yang dibuat dalam bidang nyanyian koir di Malaysia. Sehubungan itu, wujud keperluan untuk menjalankan penyelidikan berkaitan bidang ini. Penyelidikan ini memberi fokus terhadap analisis tingkah laku konduktor dan ahli kumpulan koir untuk mencari makna berhubung dengan keseluruhan proses latihan vokal ke arah pemantapan kualiti nyanyian. Kajian yang dijalankan ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan menggunakan instrumen

temu bual, pemerhatian, dan *focus group discussion* untuk mengumpul data. Pemerhatian adalah bersifat dua hala iaitu meneliti amalan pengajaran oleh konduktor koir serta impaknya terhadap ahli kumpulan koir. Perkembangan pedagogi yang digunakan oleh para konduktor yang berprestij ini adalah penting bagi membantu meningkatkan prestasi kumpulan koir tempatan pada masa-masa akan datang.

1.3 Penyataan Masalah

Profesion paduan suara atau nyanyian koir memerlukan tenaga pengajar yang berkemahiran dalam aspek pedagogi vokal dan juga pimpinan (*conducting*). Walau bagaimanapun, menurut laporan pengarah pertubuhan *International Federation of Choral Musicians* iaitu Susanna Saw (2008), telah mengenal pasti beberapa isu dalam perkembangan muzik koir di Malaysia, salah satunya ialah kekurangan guru terlatih dalam bidang koir. Beliau menegaskan sememangnya ramai pemuzik terlatih di Malaysia namun tidak ramai yang terlatih khusus dalam bidang memimpin koir. Beliau turut menjelaskan bahawa, kumpulan koir dari Sabah dan Sarawak terdiri daripada ahli separa mahir yang datangnya daripada pelbagai latar belakang. Muzik merupakan gaya hidup kebanyakan daripada mereka dan persembahan mereka adalah lahir daripada minat dan jiwa muzik. Sehubungan dengan itu mereka kurang mendapat latihan kemahiran vokal secara teratur (Saw, 2008).

Menurut Stemple, Glaze, dan Klaben (2010), pengetahuan penyanyi berkaitan anatomi tubuh dan psikologi berkaitan pengeluaran suara tidak menjurus kepada meningkatkan kemahiran vokal, walau bagaimanapun pengetahuan tersebut dapat membantu menghalang kecederaan bagi alat vokal penyanyi. Rajamoney (2005) telah menekankan bahawa kelulusan seseorang guru yang melatih kumpulan koir sangat penting, khususnya dalam bidang vokal agar guru-guru dapat mendedahkan ahli koir mereka dengan latihan-latihan yang bermakna bagi mencapai persembahan yang bermutu. Beliau turut menjelaskan bahawa hampir kesemua guru muzik di negara kita mempunyai kelulusan dalam bidang pendidikan muzik, tetapi hanya segelintir sahaja yang telah menjalani latihan vokal (*vocal training*) secara persendirian.

Di Amerika terdapat banyak universiti yang menawarkan *Choral Directing* sebagai fokus bagi *major study*. Kursus yang ditawarkan termasuk topik seperti teknik pimpinan (*conducting*), repertoire (*repertoire*), perkembangan vokal, latihan aural, bacaan skor, termasuk teknik pemanasan suara. Contohnya ialah di Universiti Ryder – Westminster Choir College dan Universiti Florida State (Blackburn, 2014).

“It has been pointed out that in preparing performances, conductors of community choirs have a multitude of teaching tasks, often occurring simultaneously. In addition to learning the notes and preparing a choir for performance, directors are also managing

issues of vocal training and production for both individual singers, and the group.” (Blackburn, 2014, p.54)

Walaupun bagaimanapun, kursus Pendidikan Muzik sedia ada di Malaysia merupakan program yang terkeluar dari aspek akademik yang hanya dijalankan sebagai salah satu komponen aktiviti kokurikulum. Biasanya latihan untuk mengajar sesuatu kumpulan itu dijalankan selepas waktu persekolahan dan bukan sewaktu pengajaran dan pembelajaran. Penekanan pengurusan koir secara holistik tentu sahaja tidak dapat tercapai hanya melalui pengalaman aktiviti kokurikulum (Wahi, 2010). Abdul Halim (2004) secara amnya menjelaskan, kokurikulum merujuk aktiviti dan pengalaman pendidikan yang dilaksanakan di luar bilik darjah. Kokurikulum lebih banyak dilaksanakan secara tidak langsung atau tidak formal. Aktiviti kokurikulum lebih menekankan kemahiran, nilai, bakat, peranan, kepimpinan, sosial dan sebagainya. Justeru itu, setiap kemahiran kurikulum perlu disusuli atau disokong dengan penglibatan pelbagai aktiviti luar di samping menimba pengalaman melalui pelbagai bahan bacaan tambahan secara terus-menerus bagi memperkukuhkan kefahaman individu terhadap mana-mana kemahiran muzik yang ingin dikuasai (Abdul Halim, 2004).

Walaupun muzik adalah subjek wajib di sekolah rendah, namun mata pelajaran ini biasanya akan dihapuskan apabila peperiksaan menghampiri, atau jika pelajar menghadapi sebarang kesukaran akademik. Muzik koir wujud di kebanyakan sekolah sekadar bagi tujuan persembahan untuk majlis-majlis tertentu. Biasanya bagi sekolah yang berkemampuan dari segi dana akan menggunakan jurulatih vokal profesional untuk bekerjasama dengan ahli koir mereka bagi mencapai persembahan yang bermutu. Majoriti sekolah akan memberi tumpuan kepada aktiviti koir apabila menjelang pertandingan, dan aktiviti koir ini akan berkurangan selepas musim pertandingan berakhir. Hanya sekolah yang sangat berminat dengan karier nyanyian, atau yang mempunyai guru muzik yang baik sahaja yang akan meneruskan pasca latihan mereka (Saw, 2011).

Amus (2000) berpendapat bahawa salah satu masalah yang dihadapi oleh program penyediaan guru muzik adalah disebabkan kandungan pangkalan pengetahuan bahan pengajaran terlalu luas dengan liputan yang dangkal dan tidak menggambarkan inti pati hal sebenar. Kenyataan ini turut disokong oleh pendidik vokal iaitu McCoy (2013), dengan mengesahkan bahawa terdapat kebimbangan yang semakin meningkat bahawa guru-guru muzik tidak dilatih untuk keperluan profesion nyanyian koir yang berkaitan dengan pelbagai gaya. Sumber tambahan perlu disediakan untuk membantu guru-guru mempelajari kemahiran yang berkaitan dengan teknik vokal kontemporari dan pedagogi (McCoy, 2013).

“Vocal tone development is important for all choral teacher preparation programs. If all aspects of a choir are excellent, but tone is poor, then the other fine work is negated.” (Babb, 2010, p.53)

Kenyataan Babb di atas menjelaskan bagi mencapai kemahiran memimpin kumpulan koir dalam kalangan pendidik, program pensijilan guru memerlukan latihan khusus dalam bidang sains vokal, pedagogi vokal dan pedagogi koir. Melalui kajian Wahi (2010), sebahagian besar tenaga pengajar muzik di sekolah tidak menerima latihan yang mencukupi sama ada di maktab atau di peringkat negeri dan tidak mampu mengajar muzik dengan berkesan. Di samping itu bukan semua guru muzik mempunyai kebolehan dan kemahiran muzikal yang diperlukan. Ada antara golongan pendidik muzik yang telah berfungsi dengan kefahaman terhadap muzik dan pendidikan muzik yang berbeza mengikut latihan dan latar belakang muzikal masing-masing. Disebabkan kekurangan kefahaman ini, banyak sekolah mengupah jurulatih luar untuk melatih kumpulan muzik mereka seperti koir, nasyid, muzik tradisional, 'band kombo', ensemble rekorder, perkusi dan 'brass band'. Beliau juga menjelaskan bahawa pasukan-pasukan yang dilatih oleh jurulatih luar ini bukan sahaja mampu untuk meraih kejayaan, tetapi juga dapat menghasilkan persembahan yang menepati segala unsur-unsur muzik yang dikehendaki dalam sesebuah penghasilan muzik dan juga dapat memenuhi kriteria yang diperlukan (Wahi, 2010).

“No matter how excellent a music teacher training program may be, all will come to naught if candidates selected into the program lack musical aptitude or do not possess sufficient musical background. This is important because the acquisition of musical skill takes time and cannot be thoroughly mastered within the four years of study in a degree program without the help of some prior musical knowledge and exposure.” (Ramona dan Ghaziah, 2006, p.170)

Kenyataan di atas menjelaskan bahawa sesuatu kemahiran memakan proses dan mengambil masa yang lama. Latar belakang pelajar yang pelbagai memberi gambaran subjektif bagi kejayaan penguasaan sesuatu kemahiran muzik. Konduktor yang memimpin koir harus berkemahiran muzikal berserta ilmu pedagogi vokal kerana persembahan yang dianggap baik tidak memadai hanya menepati elemen yang terkandung dalam konsep muzik seperti ketepatan pic, irama, tempo, dan harmoni sahaja, malah teknik pengeluaran suara yang selamat bagi ahli koir turut perlu dititik beratkan.

Peckham (2005) menjelaskan bahawa ramai penyanyi tidak menekankan terhadap teknik pengeluaran suara yang sihat dan tidak tahu cara-cara untuk mengatasi sebarang masalah vokal yang timbul. Murry dan Hutchison (2008) pula menjelaskan penyanyi yang sering membuat persembahan yang intensif adalah lebih terdedah memiliki masalah vokal seperti sakit tekak, hilang suara, tidak dapat mencapai not tinggi tanpa menjerit dan lebih memerlukan tenaga dalam nyanyian. Suara yang terhasil tidak menyeluruh (*solid*) dan nada suara termengah-mengah (*breathy sound*). Lama-kelamaan penyanyi tidak akan dapat mencapai jarak suara (*range*) yang tertentu. Julat (*range*) suara juga menjadi sempit dan sukar untuk mendapatkannya semula.

Jelas di sini, masalah utama daripada kekurangan ilmu berkaitan teknik pengeluaran suara yang selamat bagi para penyanyi boleh mengakibatkan rentetan terhadap masalah-masalah lain yang berkait dengan pengeluaran suara. Maka perhatian dalam bentuk penyelidikan perlulah dijalankan bagi mencari resolusi terhadap masalah yang dihadapi.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian yang dijalankan akan menjurus dalam menjawab soalan-soalan berikut:

1. Bagaimanakah pelaksanaan latihan vokal semasa sesi pemanasan oleh konduktor koir bagi mencapai kualiti nyanyian kumpulan koir di Semenanjung Malaysia?
2. Apakah kesan yang mempengaruhi ahli koir mengikut pelaksanaan latihan vokal yang digunakan oleh konduktor koir sewaktu sesi pemanasan dijalankan?
3. Bagaimanakah pelaksanaan latihan vokal semasa sesi repertoir oleh konduktor koir bagi mencapai kualiti nyanyian kumpulan koir di Semenanjung Malaysia?
4. Apakah kesan yang mempengaruhi ahli koir mengikut pelaksanaan latihan vokal yang digunakan oleh konduktor koir sewaktu sesi repertoir dijalankan?

1.5 Objektif Kajian

Penyelidikan yang dibuat adalah berdasarkan pada objektif-objektif berikut:

1. Menganalisis pelaksanaan latihan vokal semasa sesi pemanasan oleh konduktor bagi mencapai kualiti nyanyian kumpulan koir di Semenanjung Malaysia.
2. Menilai kesan yang mempengaruhi ahli koir mengikut pelaksanaan latihan vokal oleh konduktor koir sewaktu sesi pemanasan dijalankan.
3. Menganalisis strategi latihan vokal yang digunakan oleh konduktor semasa sesi repertoir bagi mencapai kualiti nyanyian kumpulan koir di Semenanjung Malaysia.
4. Menilai kesan yang mempengaruhi ahli koir mengikut strategi pelaksanaan latihan vokal oleh konduktor semasa sesi repertoir dijalankan.

1.6 Kepentingan Kajian

Pemeriksaan yang komprehensif terhadap perkembangan kumpulan koir adalah penting kepada pendidik, pengkaji, pengamal paduan suara, penghibur, dan juga pelajar. Kajian ini boleh menjadi yang pertama di Malaysia untuk memeriksa penghasilan kumpulan koir melalui kaedah penyampaian teknik vokal oleh beberapa orang konduktor koir yang berprestij. Hasil kajian ini dapat: i) menyediakan wawasan dan maklumat baru mengenai persediaan latihan kumpulan koir dengan mendedahkan

proses, tingkah laku, keadaan, dan ciri-ciri konduktor dan ahli koir yang menyumbang terhadap prestasi cemerlang, ii) memberi penjelasan lebih terperinci di samping memperkaya bahan rujukan dan informasi ilmiah di dalam negara dengan cara menambah perspektif hasil penyelidikan terdahulu, dan iii) memberi alternatif penyelesaian masalah dengan mencadangkan garis baru bagi penyelidikan akan datang. Di samping itu juga ia dapat digunakan oleh pihak berwajib untuk merangka tindakan meningkatkan kursus atau aktiviti pendidikan muzik di Malaysia.

Dapatan kajian ini amat penting bagi pengetahuan pendidik-pendidik muzik khususnya mereka yang berkecimpung dalam bidang seni muzik. Matlamat kajian ini adalah untuk memberi pengetahuan serta membuka minda pendidik muzik dalam bidang koir tentang pelaksanaan latihan vokal bagi sesebuah kumpulan koir secara komprehensif. Dengan melihat bentuk tindakan serta interaksi dan sistem latihan yang diguna pakai oleh kumpulan-kumpulan koir ini nanti, satu model atau gambaran lengkap kepada pendidik untuk memahami aspek latihan nyanyian kumpulan koir secara lebih mendalam dapat disediakan. Sekali gus menawarkan peluang yang lebih baik untuk meningkatkan kursus dalam bidang pendidikan muzik dapat ditawarkan. Selain itu, kajian juga dapat menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti nyanyian koir di peringkat sekolah, institusi, kolej, universiti mahupun mana-mana organisasi yang mengamalkan aktiviti koir. Tindakan ini sekali gus diharap akan dapat melonjakkan perkembangan muzik kumpulan koir di Malaysia.

Menurut Jenkins (2005), keupayaan untuk melaksanakan persembahan pada tahap kualiti yang tinggi akan meningkatkan harga diri. Matlamat dan prestasi yang dicapai menyediakan peluang untuk pertumbuhan intelektual, emosi dan sosial. Oleh itu, penemuan daripada kajian ini kelak bukan sahaja memberi implikasi dari segi psikologi penyanyi malah akan bermanfaat kepada semua pihak yang terlibat dalam membangunkan sesebuah kumpulan koir. Justeru, bagi memastikan penilaian yang berterusan dilakukan terhadap ilmu yang menjurus kepada pendidikan, usaha mengkaji dan mendokumentasikan topik ini secara ilmiah perlulah dijalankan.

“Research in the field of education is necessary to stay informed about current findings on essential aspects of a music program such as curriculum, teacher-training, and technology. Research findings on child and musical development, in particular, can provide invaluable insights on how children learn and acquire musical skills and understandings.” (Ramona, 2006, p.49)

Kenyataan oleh Ramona et al. (2006) di atas, telah menekankan kepentingan mengetengahkan sebarang bukti terhadap sebarang penemuan baru dalam dunia pendidikan. Sememangnya terdapat pelbagai akses kepada buku-buku, jurnal, rakaman dan sumber internet bagi mencapai maklumat berkaitan pengurusan kumpulan koir. Walau bagaimanapun bilangan bahan rujukan berkaitan pengurusan koir menjurus dalam seni suara adalah terhad dalam konteksnya di Malaysia. Melalui

kajian ini, bahan dan informasi berkaitan kaedah pengajaran dan pembelajaran vokal dapat diperkaya sebagai bahan rujukan dan diturunkan ke generasi akan datang secara ilmiah. Secara tidak langsung ini dapat menjadikan kajian sebagai rujukan kepada pendidik, para pengkaji, pelajar serta masyarakat dalam mendalami ilmu berkaitan pendidikan muzik khususnya dalam pengendalian sesebuah kumpulan koir dalam aspek nyanyian.

Selain daripada itu, kajian ini bukan sahaja dapat membantu mengembangkan pengetahuan dan memberi panduan khusus secara bertulis malah maklumat kajian ini dapat menyelesaikan masalah yang timbul serta mencadangkan garis baru bagi siasatan penyelidikan yang akan datang. Kajian ini dapat membuka jalan kepada penyelidik akan datang untuk meneruskan lagi kajian tentang kumpulan-kumpulan koir di sekolah mahupun mana-mana organisasi yang menjalankan aktiviti nyanyian koir di negara ini. Selain itu, kajian ini juga memberi panduan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menilai status kursus dalam program muzik sebagai salah satu pendidikan ke arah melahirkan individu yang berkemahiran tinggi, kreatif dan kritis serta bermotivasi tinggi. Kajian ini dapat membantu pihak berwajib merangka tindakan yang sewajarnya bagi meningkatkan penambahbaikan, atau mengemas kini pelajaran program muzik di mana-mana institusi pengajian dengan memberi tumpuan terhadap komponen koir dengan lebih serius oleh semua pihak, baik di peringkat sekolah, institusi, kolej, universiti, organisasi dan pihak Kementerian Pendidikan itu sendiri.

1.7 Batasan kajian

Dengan merujuk masalah perkembangan kumpulan koir di Malaysia, pengkaji tertarik menggunakan beberapa kumpulan koir yang terdapat di Malaysia sebagai model kepada sumber inspirasi dari sudut akademik. Sumbangan beberapa kumpulan koir ini bukan sahaja boleh dinilai sebagai sebuah persembahan atau hiburan, tetapi menjurus kepada perspektif ilmiah. Batasan bagi kajian ini dipilih dari pensampelan bertujuan berasaskan potensi dan sumbangan yang dapat diberikan bagi mewujudkan pemahaman mendalam masyarakat berkaitan fenomena yang ingin dikaji.

Peserta kajian terdiri daripada empat buah kumpulan koir yang hanya tertakluk dari Semenanjung Malaysia tidak termasuk Sabah dan Sarawak. Kumpulan koir ini juga hanya terbatas kepada kumpulan koir kategori dewasa. Batasan kajian dikenal pasti berdasarkan keaktifan kumpulan koir di dalam membuat persembahan termasuk sumbangan dan kejayaan yang telah mereka kecapai. Kesemua konduktor kumpulan koir yang terpilih terdiri dalam kalangan yang berpengalaman dengan latar belakang pimpinan yang kukuh melalui kejayaan membuat persembahan serta pengiktirafan yang telah diterima.

Kajian ini terhad pada masa dan tempoh penyelidikan iaitu keseluruhan proses mengumpul data di lapangan telah dijalankan selama enam bulan yang bermula pada bulan Oktober 2016 dan berakhir pada bulan Mac 2017. Dalam mencari maksud dan mewujudkan penjelasan secara dua hala iaitu di antara konduktor-konduktor dan ahli koir ini, kaedah interaktif inkuiri telah digunakan dalam mengumpul data bagi kajian ini. Kaedah ini melibatkan beberapa siri tindakan berulang-ulang daripada pengkaji dalam proses mengumpul data sehingga terjawab segala persoalan kajian.

1.8 Definisi Operasional

Konsep yang digunakan dalam kajian ini tertakluk kepada definisi operasional seperti berikut:

1.8.1 Pelaksanaan

Definisi operasional bagi pelaksanaan merujuk kepada beberapa langkah yang dominan dijalankan oleh konduktor-konduktor yang cemerlang bagi mewujudkan latihan yang bermakna di dalam aktiviti nyanyian. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), pelaksanaan membawa erti proses meletakkan sesuatu keputusan bagi memberi kesan terhadap sesuatu perancangan. Mengikut konteks kajian ini, pelaksanaan dijuruskan terhadap keputusan yang digunakan oleh konduktor kumpulan koir dalam latihan vokal bagi sesi pemanasan dan sesi repertoire.

1.8.2 Vokal

Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), vokal merujuk kepada suara, lantang bersuara, dan nyanyian. Vokal berasal dari kata bahasa Latin iaitu 'vokalis' yang bererti berbicara atau bersuara. Vokal di dalam seni muzik ialah alunan nada-nada yang muncul dari nada manusia. Mengikut konteks kajian ini, latihan vokal merupakan sebahagian daripada pembelajaran untuk mengasah kemahiran dalam bidang seni muzik iaitu nyanyian.

1.8.3 Pengaruh

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), pengaruh membawa maksud keupayaan untuk memberi kesan kepada watak, perkembangan, atau tingkah laku seseorang atau sesuatu, atau kesan itu sendiri. Di dalam konteks kajian ini, perkara yang ingin dilihat berkaitan pengaruh pelaksanaan latihan vokal yang diguna pakai oleh para konduktor terhadap setiap kumpulan koir yang dipimpin.

1.8.4 Kualiti Nyanyian

Kualiti nyanyian mengikut kajian ini menjurus terhadap tahap kesempurnaan bunyi suara yang dihasilkan dalam nyanyian secara paduan suara mengikut komponen teknik vokal yang dipelajari menerusi pedagogi vokal. Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), kualiti membawa makna piawai sesuatu yang diukur terhadap perkara-perkara lain yang serupa atau tahap kecemerlangan sesuatu perkara.

1.8.5 Koir

Menurut sumber Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), koir merupakan ensemble muzik yang terdiri daripada nyanyian lagu secara beramai-ramai membentuk nyanyian berharmoni. Kebanyakan kumpulan koir terdiri daripada empat pecahan kategori suara, namun jumlah pecahan sebenar adalah tidak terhad. Dalam konteks kajian ini, nyanyian koir merujuk kepada kumpulan yang cemerlang dalam membuat persembahan mengikut sejarah pencapaian yang diterima oleh setiap kumpulan yang dikaji.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Alim Abdul Rahim. (2004). *Pengurusan Gerak Kerja Kokurikulum*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar.
- Aldrich, N. (2011). *Teaching registration in the mixed choral rehearsal: physiological and acoustical considerations*. (Doctoral Dissertation). University of Maryland.
- Anne-Marie, L., Czajkowski., & Alinka, E. G. (2015). Mindfulness for singers: The effects of a targeted mindfulness course on learning vocal technique. *British Journal of Music Education*, 32, p211-233.
- Arthur, J. R. (2002). *Experienced teachers' use of time in choral rehearsals of beginning and advanced choirs*. (Doctoral dissertation). Retrieved from ProQuest Dissertations and Theses database. (UMI No. 3109261).
- Asmus, E. (2000). Foundation competencies for music teachers. *Journal of Music Teacher Education*, 9, p5-6.
- Atkinson, D. S. (2006). *The effect of choir formation on the acoustical attributes of the singing voice*. (Doctoral dissertation). Retrieved from Dissertation & Thesis: Full Text. (Publication No. AAT 3245987).
- Aycan, K., Evren, G. F. (2016). The effect of vocal training methods to improve Turkish accent defects through individual voice student lessons. *Eurasian Journal of Educational Research*, 66, 299-314.
- Azizi Yahaya. (2010). Kepentingan kefahaman konsep dalam matematik. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 20, p43-52.
- Babb, S. L. (2010). *Rehearsal techniques used to build choral tone by four experts collegiate choral conductors across settings*. (Doctoral dissertation). Retrieved from ProQuest Dissertations and Theses database. (UMI No. 3462263).
- Baker, V. D., Cohen., & Nicki. (2017). University Vocal Training and Vocal Health of Music Educators and Music Therapists. *Applications of Research in Music Education*, v35 n3, p46-54.
- Budidharma, P. (2001). *Metode vokal profesional*. Jakarta: PT Elex Media Komputindo Kelompok Gramedia.
- Blackburn, A. (2014). A model for an effective note teaching and learning strategy for community choirs, incorporating Malay folk and children's' song material exemplars. *Malaysian Music Journal*, 3 (2), p48-65.

- Chagnon, R. (2001). *A comparison of five choral directors' use of movement to facilitate learning in rehearsals*. (Doctoral Dissertation). Arizona State University.
- Cohen, J. A. (2017). *Powerhouse singing techniques: Develop your voice's range, power, and beauty*. UK: Independently published.
- Cohen, L. et al. (2011). *Research methods in education (7th Edition)*. London: Routledge Falmer.
- Con. A. D. (2002). *The life and philosophy of choral conductor Rodney Eichenberger, including a detailed analysis and application of his conductor-singer gestures*. (Doctoral Dissertation). The Florida State University, Tallahassee, FL.
- Creswell, J. W. (2009). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications, Inc.
- Czajkowski, Anne-Marie, L., & Greasley, A. E. (2015). Mindfulness for singers: The effects of a targeted mindfulness course on learning vocal technique. *British Journal of Music Education*, v32 n2, p211-233.
- Daugherty, J. F., & Brunkan, M. C. (2013). Monkey see, monkey do? The effect of non-verbal conductor lip rounding on visual and acoustic measures of singers' lip postures. *Journal of Research in Music Education*, 60(4), 345-362.
- David, J., & LaTour, S. (2013). *Vocal technique: A guide for conductors, teachers, and singers*. Illinois: Waveland Press Onc.
- Derby, S. E. (2001). *Rehearsal of repertoire in elementary, middle, and high school choirs: How teachers effect change in student performance*. (Doctoral dissertation). Retrieved from ProQuest Dissertations and Theses database. (UMI No. 3008313).
- Duke, R. A. (2009). *Intelligent Music Teaching: Essays on the Core Principles of Effective Instruction*. USA: Learning and Behavior Resources.
- Esah Sulaiman. (2004). *Pengenalan pedagogi*. Johor: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Eskelin, G. (2005). *Components of vocal blend*. Chicago: Independent Publishers Group.
- Emmons, S. (2006). *Prescriptions for choral excellence*. New York: Oxford University Press.

- Ferrell, M. (2015). *Perspectives on choral and solo singing: Enhancing communication between choral conductors and voice teachers*. (Open Access Dissertations). Retrieved from https://scholarlyrepository.miami.edu/oa_dissertations/494
- Franca, M. C., & Wagner, J. F. (2015). Effects of vocal demands on voice performance of student singers. *Journal of Voice: Official Journal of the Voice Foundation*, 29(3), 324-332.
- Fuelberth, R. J. V. (2003). The effect of left hand conducting gesture on inappropriate vocal tension in individual singers. *Bulletin of the Council for Research in Music Education*, 157, p62-70.
- Gonzalez, T., & Chapin, D. (2008). *Vocal music handbook*. Norman North High School: Norman OK.
- Grady, M. (2011). *Non-verbal conducting gesture effects on intonation and timbre: A survey of choral conductors*. Unpublished Manuscript, The University of Kansas, Lawrence, KS.
- Grady, M. (2014). Effects of traditional pattern, lateral-only, and vertical-only conducting gestures on acoustic and perceptual measures of choir sound: An exploratory study. *International Journal of Research in Choral Singing* 5(1), p39-59.
- Grbich, C. (2007). *Qualitative data analysis: An introduction*. London: Sage.
- Green, E. A. (2004). *The modern conductor* (7th ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Prentice Hall.
- Gumm, A. (2009). *Making more sense of how to sing: Multisensory techniques for voice lessons and choir rehearsals*. Galesville, MD: Meredith Music Publications.
- Hancock, D. R., & Algozine, B. (2017). *Doing Case Study Research: A Practical Guide for Beginning Researchers*, 3rd ed. New York: Teachers College Press.
- Hearnberger, K. A. (2013). *The effect of choral music education on literacy achievement*. (Ed.D. Dissertation). University of Arkansas.
- Helding, L. (2008). Voice science and vocal art, Part Two: Motor learning theory. *Journal of Singing – The Official Journal of the National Association of Teachers of Singing*, 64(4), 417-428.
- Hibbard, T. T. (1994). *The use of movement as an instructional technique in choral rehearsal*. (Doctoral Dissertation). Oregon University.

- Jahn, A. F. (2013). *The singer's guide to complete health*. New York, NY: Oxford University Press.
- Jaworek, A. J., & Sataloff, R. T. (2015). Care of the professional voice: Medical evaluation prior to voice lessons. *Journal of Singing*, 72(1), 51-54.
- Jenkins, B. L. (2005). *Beautiful choral tone quality rehearsal techniques of a Successful high school choral director*. (Doctoral dissertation). Retrieved from ProQuest Dissertations and Theses database. (UMI No. 3235845)
- Johnson, B. P. (2003). *Elements of excellence: A study of musical and non-musical factors common within non-conservatory college and university choral programs recognized for excellence*. (Doctoral dissertation). Retrieved from ProQuest Dissertations and Theses database. (UMI No. 3089960).
- Joseph, J. (2015). *Choral singing in human culture and evolution*. Germany: Lambert Academic Publishers.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2007). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Appel, M. (2010). Individual differences, auditory imagery, and the coordination of body movements and sounds in musical ensembles. *Music Perception: An Interdisciplinary Journal*, 28, p27-46.
- Knapp, M. L., & Hall, J. A. (2013). *Nonverbal communication in human interaction (8th ed.)*. Boston: Cengage Learning.
- Leman, M., Desmet, F., Styns, F., Van Noorden, L., & Moelants, D. (2009). Sharing musical expression through embodied listening: A case study based on Chinese guqin music. *Music Perception: An Interdisciplinary Journal*, 26, p263-278.
- Lebrongne, W., & Rosenberg, M. (2014). *The vocal athlete*. San Diego, CA: Plural Publishing, Inc.
- Liao, M. Y. (2002). *The effects of gesture and movement training on the intonation and tone quality of children's choral singing*. (Doctoral dissertation). University of Sheffield.
- Luck, G., Toiviainen, P., & Thompson, M. R. (2010). Perception of expression in conductors' gestures: A continuous response study. *Music Perception: An Interdisciplinary Journal*, 28, p47-57.
- Manternach, J. N. (2011). *The effect of conductor lip rounding and eyebrow lifting on singer lip and eyebrow postures: A motion capture study*. Unpublished manuscript. The University of Kansas, Lawrence, KS.

- Maria, V. (2016). 'I owe it to my group members...who critically commented on my conducting' – Cooperative learning in choral conducting education. *International Journal of Music Education*. SAGE, Vol. 34(1), p116–130.
- Maxwell, J. A. (2013). *Qualitative research design: An interactive approach (applied social research methods) 3rd ed.* Thousand Oaks, CA: Sage Publications, Inc.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco: Jossey-Bass Pub.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation 4th Edition*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Merriam-Webster Collegiate Dictionary. Retrieved from <https://www.merriam-webster.com/>
- McCoy, S. (2013). "Why I don't teach belting," *Journal of Singing* 70, no. 2: 181-182.
- McCoy, S. (2015). *Your voice: The basics*. Columbus, OH: Inside View Press.
- McDonough, N. (2008). *Ethna Barror: Profile of a successful choral conductor*. (Master thesis). Dublin Institute of Technology.
- McKinney, J. (1994). *The diagnosis and correction of vocal faults*. Nashville, TN: Genevox Music Group.
- Miles, M. B., Huberman, A. M., & Saldaña, J. (2014). *Qualitative data analysis: A methods sourcebook (3rd ed.)*. California: SAGE.
- Murray, D., & Hutchison, T. (2008). *Advanced vocal technique: Middle voice, placement & style*. Milwaukee, WI: Hal Leonard Corporation.
- Napoles, J. (2013). The influences of presentation modes and conducting gestures on the perceptions of expressive choral performance of high school musicians attending a summer choral camp. *International Journal of Research in Music Education*, 31, p321–330.
- Nusseck, M., & Wanderley, M. M. (2009). Music and motion how music-related body movements contribute to the experience of music. *Music Perception: An Interdisciplinary Journal*, 26, p335-353.
- O'Grady, W. D., Archibald, J., Aronoff, M., Miller, J. R. (2010). *Contemporary linguistics: An introduction (6th ed.)*. New York: Bedford/ St. Martin's Press.
- Olesen, B. C. (2010). *The Impact of musical background, choral conducting training and music teaching style on the choral warm-up philosophy and practices of successful high school choral directors*. (Doctoral dissertation). University of Miami.

- Othman Lebar. (2007). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Method*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Padgett, D. K. (2008). *Qualitative methods in social work research (2nd ed.)*. Los Angeles: Sage.
- Peckman, A. (2010). *The Contemporary Singer: Elements of Vocal Technique (2nd ed.)*. Boston: Berklee Press.
- Peckham, A. (2005). *Vocal workouts for the contemporary singer*. Boston: Berklee Press.
- Phillips, K. H. (2015). *Directing the Choral Music Program (2nd ed.)*. New York: Oxford University Press.
- Price, H. E. (2006). Relationships among conducting quality, ensemble Performance quality, and state festival ratings. *Journal of Research in Music Education*, 54(3), p203-214.
- Quist, A. R. (2008). *Choral resonance: re-examining concepts of tone and unification*. (Doctoral dissertation). University of North Texas.
- Ramona, Chan, Shahanum, & Pan. (2006). *Perspectives on music education in Malaysia*. Shah Alam: University Publication Center.
- Ramona Mohd Tahir., & Ghaziah Mohd Ghazali. (2006). *Music teacher training programs in Malaysia: snapshots and reflections of the current scenario; In Perspectives on music education in Malaysia*. Kuala Lumpur: Ampang Press.
- Rajamoney, L. A. L. (2005). *Pengurusan koir dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah: Satu kajian kes*. (Tesis yang tidak diterbitkan). Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rolsten, K. K. (2011). *The performance production process of an outstanding high school choir* (Doctoral dissertation). Retrieved from ProQuest Dissertations and Theses database. (UMI No. 3466715).
- Sataloff, R. T. (2010). Care of the professional voice: Controversies and confusions in diagnosing laryngopharyngeal reflux. *Journal of Singing*, 66(5), p553-557.
- Schloneger, M. J. (2011). Graduate student voice use and vocal efficiency in an opera rehearsal week: A case study. *Journal of Voice: Official Journal of the Voice Foundation*, 25(6), p265-273.
- Shaw, C. M. (2004) Using Role-Play Scenarios in the IR Classroom: An Examination of Exercises on Peacekeeping Operations and Foreign Policy Decision Making. *International Studies Perspectives (5) (1)*, p1–22.

- Shaw, B. S., Shaw, I., Brown, G. A. (2013). "Concurrent aerobic and resistive breathing training improves respiratory muscle length and spirometry in asthmatics". *African Journal for Physical, Health Education, Recreation and Dance. November (Supplement)*, p180–193.
- Skelton, K.D. (2005) 'Choral intonation'. *Choral Journal*, 46 (3), p29-39.
- Smith, B. & Sataloff, R. T. (2006). *Choral pedagogy*. San Diego, CA: Plural.
- Stacks, D. W., Salwen, M. B. (2008). *An Integrated Approach to Communication Theory and Research* (2nd Edition). New York: Routledge Communication Series.
- Stake, R. E. (2010). *Qualitative research: Studying how things work*. New York: Guilford. Research in Music Education.
- Stemple, J. C., Glaze, L. E., & Klaben, B. (2010). *Clinical voice pathology: Theory and management*. San Diego, CA: Plural Publishing, Incorporated.
- Saw, S. (2008). *Report on Asia-pacific choral activity: Malaysia*. Retrieved From <http://www.Ifcm.net/public/doc/505.pdf>
- Saw, S. (2011). *International choral bulletin*. Volume XXX, Number 2 – 2nd Quarter.
- Thurman, L. and Welch, G. (2000). *Body mind and voice: Foundations of voice education. Book I, II, III*. (Eds.). Minneapolis, MN: The VoiceCare Network.
- Titze, I. R. (2008). The human instrument. *Scientific American Journal*. 298 (1), p94–101.
- Titze, I. R., & Verdolini, A. K. (2012). *Vocology: The science and practice of voice habilitation*. Salt Lake City, Utah: National Center for Voice and Speech.
- Varvarigou, M. (2009). *Modelling effective choral conducting education through an exploration of example teaching and learning in England*. (Unpublished Doctoral Dissertation). Institute of Education, London.
- Varvarigou, M., & Durrant, C. (2010). Theoretical perspectives on the education of choral conductors: A suggested framework. *British Journal of Music Education*, 28, p325–338.
- Wahi Sanusi. (2010). *Kaedah pengajaran jurulatih yang cemerlang dalam membentuk pasukan pancaragam di Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Lela Segara, Marang Terengganu*. (Tesis yang tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Walders, P. W. (2005). *Fundamentals of vocal pedagogy and applications for conductors not trained in singing*. (Doctoral dissertation). The University of Maryland.
- Wiersma, W., & Jurs, S. (2009). *Research methods in education: An introduction*. MA: Pearson.
- Wicklund, K. (2010). *Singing voice rehabilitation: A guide for the voice teacher and speech-language pathologist*. Clifton Park, NY: Delmar.
- Winnie, B. J. (2014). *Contemporary vocal technique in the choral rehearsal: exploratory strategies for learning*. (Doctoral dissertation). University of Washington.
- Wis, R. M. (1993). *Gesture and body movement as physical metaphor to facilitate learning and to enhance musical experience in the choral rehearsal*. (Unpublished doctoral dissertation). Northwestern University, USA.
- Zabriskie, A. (2010). *Evolution of choral sound of the St. Olaf Choir and the Westminster Choir* (Doctoral dissertation). Retrieved from ProQuest Dissertations and Theses database. (UMI No. 849717982).